

**Jangan Gadai Keamanan Negara Demi Kepentingan Diri, Kata Najib Bernama**  
**9 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengingatkan rakyat supaya tidak menggadai keamanan dan keharmonian pelbagai kaum di negara ini demi kepentingan sendiri.

Perdana Menteri juga mahu semua pihak menghentikan segala ucapan atau perbuatan berbau perkauman yang boleh mengancam perpaduan yang telah terbina hasil pengorbanan pemimpin dan pejuang-pejuang terdahulu.

"Kebelakangan ini, kita lihat beberapa ungkapan dan tindakan yang diluahkan pihak-pihak tertentu dan telah timbul rasa polarisasi yang semakin ketara di kalangan rakyat berbilang agama dan keturunan.

"Meskipun kita belum sampai ke peringkat seperti yang berlaku pada 13 Mei (1969), namun kerajaan berasa terpanggil untuk lakukan sesuatu sebelum ia merebak tanpa dapat dikawal dan membawa kepada akibat dan padah yang buruk kepada negara," katanya semasa merasmikan Program Penyatuan Nasional 2014 di sini, Ahad.

Katanya rakyat perlu kembali kepada asas dan nilai yang telah terbina dan menyumbang kepada kesejahteraan negara.

Najib berkata penghakisan terhadap rasa toleransi dan yakin meyakini antara kaum dan komuniti setempat boleh menjurus kepada pemasalahan yang serius.

"Jangan kita lupa pada perkara ini. Kerana kita alpa, kerana ingatan kita pendek, kerana kita buta sejarah, kerana kita puas mencari kepentingan diri, maka kita lakukan perkara-perkara yang tidak bertanggungjawab dan akhirnya kita musnahkan apa yang hari ini kita lihat, sebuah negara yang ada masa depan yang cukup cerah," katanya.

Dalam hal lain, perdana menteri juga menegaskan bahawa Barisan Nasional (BN) ialah sebuah kerajaan yang sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat dan tidak membiarkan perbezaan ideologi politik daripada menyekatnya daripada melakukan yang terbaik untuk rakyat.

"Sebagai sebuah kerajaan, BN tidak membawa sikap yang hanya memerangi pembangkang atau mencerca pembangkang. Tetapi ada kalanya kita perlu mencari titik kerjasama atas nama kepentingan rakyat," katanya.

Najib berkata perkara itu terbukti apabila beliau merasmikan jambatan kedua Pulau Pinang iaitu Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan kerajaan persekutuan telah bekerjasama dengan kerajaan negeri Selangor dalam isu air baru-baru ini.

Pada majlis itu, perdana menteri turut melancarkan Skwad Perpaduan yang bertujuan memperkukuhkan proses penyatuan perpaduan nasional antara pelbagai kaum daripada peringkat akar umbi melalui aktiviti kerjasama komuniti.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Joseph Kurup dan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020562>